

Membantu orang yang mengalami Kekejaman Rumahtangga



We speak your language 📞 13 1202

Helping people experiencing Domestic Violence - Malay

Kekejaman rumahtangga dan keluarga berlaku apabila seseorang cuba mengawal pasangannya atau anggota keluarga lain. Kelakuan mengawal tersebut dapat termasuk serangan, ancaman, penyeksaan seks, memalukan (merendahkan) orang lain, eksploitasi kewangan dan isolasi sosial, misalnya tidak membolehkan seseorang menghubungi keluarga atau teman. Mangsa kekejaman mungkin hidup dengan rasa takut untuk diri mereka sendiri serta anak mereka meskipun telah meninggalkan hubungan yang menganiaya.

Komitmen Centrelink dalam membantu orang yang mengalami kekejaman

Centrelink dapat membantu jika anda berada dalam situasi rumahtangga atau keluarga yang kejam, atau jika anda telah meninggalkan hubungan yang kejam. Kami dapat memberi maklumat kepada anda mengenai bayaran dan perkhidmatan yang anda mungkin layak menerima. Anda juga dapat meminta wawancara yang peribadi dan sulit dengan seorang Pekerja Sosial Centrelink.

Untuk membantu para pelanggan yang sedang menghadapi kekejaman rumahtangga atau keluarga, kakitangan Centrelink akan berusaha untuk menjamin:

- keselamatan anda, termasuk segala tindakan untuk melindungi kesulitan;
- perkhidmatan yang cepat, ramah dan lengkap, yang memenuhi keperluan peribadi anda dengan baik sekali;
- penilaian yang betul dan lengkap untuk bayaran sokongan pendapatan, dengan pencapaian awal bagi

bayaran untuk membolehkan pelanggan menyara diri sendiri dan anak mereka sedapat mungkin;

- maklumat dan rujukan kepada perkhidmatan masyarakat lain;
- bantuan dalam bahasa anda melalui pekerja dwibahasa (apabila tersedia) atau jurubahasa.

Bayaran Centrelink

Bergantung kepada keadaan anda, anda mungkin layak menerima bayaran Centrelink, misalnya Crisis Payment, Parenting Payment, Family Tax Benefit, or Newstart Allowance. Kami akan menentukan bayaran apa yang anda layak menerima dan membantu anda dengan tuntutan anda.

Pekerja Sosial

Pekerja sosial yang mempunyai kelulusan profesional disediakan di pejabat-pejabat dan pusat-pusat panggilan Centrelink. Kami dapat mengatur wawancara peribadi di pejabat atau Pekerja Sosial dapat menelefon anda di rumah atau tempat lain, misalnya rumah teman atau saudara atau agensi masyarakat.

Adakah anda baru tiba di Australia sebagai seorang suami/isteri atau tunangan dan merupakan mangsa kekejaman rumahtangga atau keluarga?

Ingatlah bahawa kekejaman rumahtangga merupakan tindakan jenayah dan tidak diterima di Australia. Anda tidak harus tetap berada dalam situasi yang kejam untuk memperoleh izin menetap.

Untuk maklumat lanjut dalam bahasa Melayu, sila telefon **13 1202***. Kunjungilah tapak web kami di www.centrelink.gov.au

* Panggilan ke nombor 13 berharga 25 sen dari manapun di Australia. Panggilan ke nombor 1800 adalah percuma. Panggilan daripada telefon awam atau telefon bimbit akan dikenakan biaya yang lebih tinggi.

www.centrelink.gov.au



Australian Government



MCCH002MAL.0512 (page 1 of 1)